

Tanah runtuh: 600 diarah berpindah

um
10/10/2006.

tetapi tiada kecederaan dan kemalangan jiwa berlaku. Enam buah kereta dan beberapa motosikal bagaimanapun rosak akibat kejadian itu," katanya.

Malam ini, katanya, semua penghuni terbabit dibenarkan membawa keluar dokumen dan barangan milik mereka yang penting secara bergilir-gilir.

"Mereka akan dipantau oleh polis semasa melakukannya. (Ini kerana) kami tidak mahu semua orang naik ke atas ke rumah mereka sekali gus kerana bimbang ia boleh menyebabkan bangunan itu menjadi tidak stabil," katanya.

Beliau berkata, semua penghuni yang terbabit akan dipindahkan ke dewan serbaguna di sekitar Wangsa Maju.

Esok, katanya, pihak berkuasa termasuk para pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran akan mengadakan siasatan mengenai kejadian itu.

"Kejadian ini serius tetapi dalam kawalan. Kami tidak tahu punya kejadian setakat ini sama ada peresapan air bawah tanah atau kesan kerja pembinaan Lebuhraya Duta-Hulu Klang berhampiran flat berkenaan.

"Saya telah menasihatkan semua penghuni supaya jangan masuk ke rumah masing-masing tanpa kebenaran pihak berkuasa," kata Zulhasnan.

- Bernama